

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 28.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah pelan kelas bercantum dilaksanakan di kawasan Sarikei. Bagaimanakah Kementerian memujuk ibu bapa yang menolak pelan ni.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat persediaan dan perancangan yang rapi untuk pelaksanaan kelas bercantum untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2015 hingga 2017 melalui strategi yang berikut:

- i. menyediakan pemetaan kurikulum kelas bercantum;
- ii. menyediakan Garis Panduan Kelas Bercantum dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pelbagai Gred termasuk Rancangan Pengajaran Harian;
- iii. mengadakan taklimat dan kursus pedagogi Pengajaran dan Pembelajaran Pelbagai Gred untuk semua mata pelajaran;
- iv. melaksanakan Kajian Kelas Bercantum pada tahun 2016; dan

- v. mengurangkan bilangan murid kelas bercantum antara dua (2) hingga 15 orang murid sahaja.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, di kawasan Parlimen Sarikei, Sarawak, kelas bercantum telah dilaksanakan di sembilan (9) buah sekolah. KPM telah menyediakan garis panduan pelaksanaan kelas bercantum untuk rujukan pihak sekolah. Pihak pentabdir sekolah telah diberikan peranan untuk menerangkan dan meyakinkan ibu bapa, PIBG dan Lembaga Pengurusan Sekolah akan manfaat pelaksanaan kelas bercantum.

RJM83

SOALAN (19)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 MAC 2018
[RABU]DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD MANAP
[SEKIJANG]

SOALAN :

YB TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah pasangan belia yang telah memohon untuk mendiami Perumahan Transit Belia (My Transit) dan berapakah permohonan yang telah diluluskan serta adakah pihak Kementerian bercadang meluaskan konsep perumahan ini ke seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perumahan Transit Belia (MyTransit) merupakan satu inisiatif baharu di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang telah diumumkan dalam Bajet 2017 dengan sasaran 10 ribu unit rumah di bandar-bandar utama seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan 5 tahun.

Sehingga kini, masih belum ada projek Perumahan Transit Belia (MyTransit) yang telah dibuka untuk permohonan oleh orang awam dan cadangan kaedah permohonan MyTransit ini akan dilaksanakan secara atas talian menerusi portal sprn.kpkt.gov.my.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai permulaan YAB Perdana Menteri telah melancarkan 2,010 unit MyTransit di Mukim Batu dan Mukim Kepong, Kuala Lumpur pada 18 September 2017 yang dijangka siap pada tahun 2021, manakala terdapat 4 projek lagi yang dicadangkan untuk

23

dilaksanakan, melibatkan pembangunan 7,371 unit rumah MyTransit sedang dalam peringkat perancangan pihak Kementerian. Perumahan Transit Belia ini terdiri daripada dua jenis iaitu studio unit berkeluasan 400 kaki persegi dan apartment dua bilik berkeluasan 550 kaki persegi.

Antara keistimewaan MyTransit adalah seperti:

- i) Kadar sewa seunit adalah 30% lebih rendah daripada harga pasaran di mana Kerajaan telah bersetuju kadar sewa ditetapkan pada kadar RM400.00 sebulan bagi Unit Studio berkeluasan 400 kaki persegi dan RM550.00 sebulan bagi Unit 2 Bilik berkeluasan 550 kaki persegi;
- ii) Terdapat elemen *forced saving* yang akan dipulangkan kepada penyewa setelah tamat tempoh penyewaan. Simpanan ini akan dapat membantu menyediakan sebahagian deposit bagi pembelian rumah yang kekal kelak; dan
- iii) Perumahan Transit Belia ini juga akan dilengkapi dengan perabot asas bagi memberikan keselesaan kepada penyewa dan membantu penyewa menyimpan wang tanpa perlu berbelanja bagi pembelian perabot untuk perumahan transit ini.

Kementerian mengalu-alukan sekiranya terdapat cadangan projek MyTransit ini untuk dikembangkan dan dilaksanakan di bandar-bandar utama di seluruh negara seperti Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan lain-lain bandar yang sesuai.

Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018